

PM mahu menteri jauhi rasuah, sebarang salah laku Usah cemar imej kerajaan

Oleh Mohd Azlan Jaafar, Fazli Abdullah
an Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mempengerusikan mesyuarat sulung Kabinet barunya semalam, mengingatkan menteri supaya menjaga tingkah laku serta mengelak perkara yang boleh memalukan dan mencemarkan imej kerajaan.

Selain memberi peringatan itu, Kod Etika Wakil Rakyat juga diedarkan sebagai panduan menteri melaksanakan tugas masing-masing.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata Abdullah turut menekankan mengenai pentingnya anggota pentadbirannya bekerjasama rapat sebagai satu pasukan dan menjaga imej kerajaan pada setiap masa.

"Perdana Menteri sangat tegas mengenai perkara spesifik yang boleh dan tidak boleh dilakukan. Pada asasnya, anggota pentadbiran tidak harus melakukan sebarang perkara yang akan memalukan dirinya dan kerajaan.

"Perdana Menteri juga sangat bersungguh-sungguh mahu kandungan manifesto Barisan Nasional (BN) dilaksanakan sepenuhnya," katanya pada sidang media di pejabatnya di sini, petang semalam.

Najib ditanya mengenai amanat utama Perdana Menteri pada mesyuarat Kabinet di Kompleks Perdana Putra di sini, semalam.

Semua 32 menteri termasuk Najib menghadiri mesyuarat pertama itu yang bermula kira-kira jam 10 pagi.

Abdullah mengumumkan barisan Kabinet barunya Sabtu lalu, seminggu selepas BN memenangi 90 peratus daripada 219 kerusi Parlimen yang dipertandingkan pada pilihan raya umum 21 Mac lalu.

Najib berkata, Abdullah juga menggesa semua menteri terutama menteri baru menghayati kandungan Kod Etika Wakil Rakyat dan menjauhkan diri daripada rasuah serta sebarang salah laku.

Sementara itu, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid, berkata Perdana Menteri juga mahu semua wakil rakyat, sama ada menteri, menteri besar, Exco atau Ahli Parlimen biasa, memastikan rakyat mendapat penjelasan sewajarnya dan sebarang kesusahan mereka diberikan perhatian.

"(Perdana Menteri) akan bersama sesiapa saja anggota kerajaan yang buat kerja dengan betul walaupun silap tetapi tidak dengan tujuan dan matlamat tertentu. Maka dia akan bersama.

"Pada mereka yang tahu sesuatu itu tidak benar atau tidak betul, maka Pak Lah kata dia tidak akan bersama-sama mereka," katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri mesyuarat Kabinet.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, pula berkata Abdullah turut



KABINET baru pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bermesyuarat buat kali pertama di Kompleks Perdana Putra di Putrajaya semalam. - Gambar oleh Hadzme Jaafar

Menteri ikrar taat setia

> DARI MUKA

menyenaraikan perkara yang mahu dilaksanakan terutama membabitkan integriti dan perkhidmatan untuk rakyat.

"Pesanan untuk orang baru termasuk pengisytiharan harta dan bagaimana kita harus bekerja berpasukan, untuk menjadi lebih berdaya saing.

"Kami sudah berjanji akan taat setia dan menjalankan tugas seperti yang diharapkan rakyat selepas diberi kemenangan dan mandat begitu besar. Kita juga diminta merujuk manifesto BN," katanya.

Menteri Penerangan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata Perdana Menteri mengingatkan anggota pentadbirannya supaya berkhidmat dengan amanah dan mengelak konflik kepentingan perniagaan dengan tugas masing-masing.

"Ingatan itu diberi supaya kita benar-benar dapat mewujudkan kerajaan bersih, cekap dan amanah," katanya.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Da-

1 tuk Dr Jamaludin Jarjis, berkata Abdullah juga mahu anggota Kabinet gigih melaksanakan amanah dan tanggungjawab.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapa Mohamed, berkata pesanan Perdana Menteri dapat membantu menteri memastikan kerajaan BN terus berjaya mendekati rakyat.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy pula berkata, Perdana Menteri mahu menteri bekerja keras meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan

"Semua yang kita buat mesti beri keutamaan kepada kehendak rakyat," katanya.

Sebelum itu, barisan anggota Kabinet ban merakamkan gambar di Galeri Komplek Perdana Putra di sini, kira-kira jam 10 pagi.

Mesyuarat Kabinet di Aras Empat, JPN bermula kira-kira jam 10.20 pagi. Sebelum mesyuarat bermula, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof Datuk Dr Abdullah Md-Zain membacakan doa.

Pada sebelah petang, semua Setiausaha Parlimen mengangkat sumpah jawatan masing-masing di hadapan Perdana Menteri.